

BAB LIMA

PENGARUH INGGERIS DAN KESANNA TERHADAP KEANGGOTAAN DALAM BADAN PERUNDANGAN DI TANAH MELAYU

Usaha menubuhkan Badan Perundangan atau Majlis Mesyuarat bagi negeri-negeri di Tanah Melayu secara jelas telah dilakukan oleh penjajah British selepas termeterai Perjanjian Pangkor pada 20 haribulan Januari tahun 1874.¹ Perjanjian Pangkor 1874 itu menandakan dengan rasminya campurtangan British ke atas negeri-negeri Melayu.² Walaupun pada mulanya ianya melibatkan negeri Perak sahaja, tetapi telah dijadikan alasan oleh penjajah British untuk mencampuri soal politik negeri-negeri lain atas sebab yang sama.³ Buktinya ialah selepas Perjanjian Pangkor itu didapati empat buah Negeri Melayu telah bersetuju menerima penasihat Inggeris, iaitu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.⁴ Selepas menerima penasihat Inggeris telah berlakulah berbagai-bagai perkembangan dalam badan perundangan dan keanggotaannya sebagaimana berikut:

5.1 Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri (*The State Council*)

Selepas menerima penasihat Inggeris setiap negeri tersebut telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri masing-masing yang dipengerusikan oleh Penasihat Inggeris dan Sultan menjadi pemerintah yang tertinggi.⁵ Perlantikan Penasihat British di negeri-negeri Melayu telah membawa kepada perlaksanaan sistem politik dan pentadbiran ala British dan menyebabkan Raja-raja Melayu telah

hilang kedaulatannya di negeri sendiri.⁶ Perkara ini jelas terbukti apabila Raja-raja tersebut telah bersetuju menerima Residen British menjadi penasihat mereka dalam semua urusan politik dan pentadbiran negeri kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat Melayu sahaja.⁷

Di antara Majlis Mesyuarat Negeri yang terawal ialah Majlis Mesyuarat yang telah ditubuhkan oleh penjajah British di negeri Perak dan Selangor pada tahun 1877. Majlis Mesyuarat Negeri pada masa itu hanya merupakan sebuah badan kecil yang dianggotai oleh beberapa orang pemimpin Melayu, pemimpin Cina dan pentadbir British sahaja.⁸ Sebagai contoh, Majlis Mesyuarat Negeri Perak telah dibentuk pada tahun 1877 oleh Sir Hugh Low (Residen Perak dari 1877 hingga 1889). Majlis itu telah dianggotai oleh lapan orang ahli sahaja iaitu empat orang berbangsa Melayu, dua orang berbangsa Cina dan dua orang penasihat British. Mereka ialah Raja Muda Yusuf (Raja Negeri Perak), Raja Dris, Orang Kaya Temenggong, Che Karim, Kapitan Ah Kwee, Kapitan Ah Yam, Mr. Hugh Low (Residen British) dan Captain Speedy (Pembantu Residen).⁹

Pegawai British yang banyak memainkan peranan dalam menentukan corak Majlis Mesyuarat di Negeri Perak pada tahun 1877 itu ialah Sir Hugh Low. Beliau telah memperkenalkan teknik pemerintahan yang menggunakan kaedah bermesyuarat. Tujuannya ialah untuk menggambarkan kepada pemimpin Melayu bahawa tugas Residen British di Perak hanya sebagai penasihat sahaja.¹⁰ Majlis ini menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di dalam mesyuarat. Bentuk Majlis Mesyuarat yang diperkenalkan itu telah menjadi ikutan kepada negeri-negeri

lain untuk menubuhkan Majlis Mesyuarat selepas itu. Perlaksanaan sistem bermesyuarat ini berjaya untuk mengelakkan kebencian pembesar-pembesar Melayu terhadap penjajah Inggeris. Bahkan dalam jangkamasa yang singkat Hugh Low telah juga berjaya mendidik pemimpin-pemimpin Melayu pada masa itu supaya mengamalkan cara dan sistem pentadbiran Inggeris,¹¹ iaitu menubuhkan Majlis Mesyuarat di negeri masing-masing.¹²

Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang juga dibentuk pada tahun 1877 pula mempunyai tujuh orang ahli sahaja. Ianya terdiri dari empat orang wakil Melayu, dua orang wakil British dan seorang wakil Cina.¹³ Tujuh orang ahli yang terlibat ialah Tunku Dziauddin (Raja Selangor), Raja Kahar (anak lelaki Sultan), Tengku Panglima Raja, Tuan Syed Zin (mewakili golongan pekerja awam), Kapten Bloomfield Douglas (Residen Selangor), J. Innes (Pemungut Cukai dan Majistret Langat), dan Yap Ah Loy (Kapitan Cina).¹⁴ Seterusnya pada penghujung tahun 1895 bilangan keanggotaan dalam badan perundangan bagi negeri Selangor telah bertambah kepada sembilan orang iaitu terdiri dari Residen Negeri Selangor, Ketua Magistret bagi negeri Selangor, Raja Muda Suleiman (cucunda kepada Sultan), Raja Kahar, Raja Hasan, Raja Laut (anak kepada Sultan Muhammad), Raja Bot (bekas pemimpin daerah Lukut), Yap Kwan Seng (Kapitan Cina) dan Towkey Lok Yew.¹⁵

Di antara tujuan utama dibentuk Majlis Mesyuarat Negeri (*The State Council*) yang dibimbing oleh penasihat British pada masa itu ialah menggubal undang-undang bagi setiap negeri yang telah dijajah. Ia juga bertujuan untuk mendamaikan berbagai pertikaian yang berlaku di dalam negeri-negeri tersebut.¹⁶

Majlis Mesyuarat Negeri telah bertindak menggubal berbagai-bagai undang-undang yang berkaitan dengan percuaian, perjanjian, menjaga kepentingan tertentu, serta menggubal enakmen dan meminda undang-undang yang telah sedia ada. Ia juga berperanan membantu pentadbir negeri untuk membuat berbagai-bagai penilaian, memberikan kelulusan serta membantu melaksanakan sesuatu keputusan yang telah diambil.¹⁷

5.2 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu Dan Kesannya Terhadap Badan Perundangan

Setelah sistem Residen berjalan beberapa tahun di negeri-negeri Melayu, telah timbul pula beberapa kelemahan dan kekurangan pada sistem tersebut. Di antara kekurangan sistem ini ialah kuasa Residen negeri dari masa ke semasa bertambah, sebaliknya kuasa sultan semakin hari semakin berkurangan. Majlis Mesyuarat negeri tidak ada kemampuan untuk menyekat kuasa Residen. Residen bertindak terlalu bebas dan pengawasan yang berkesan dari pihak berkuasa Negeri Selat kurang sekali. Kuasa-kuasa Raja dan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri semakin hilang kerana diambil oleh Residen. Empat buah negeri yang mengamalkan sistem Residen itu juga telah berkembang menurut dasar kenegerian masing-masing. Perbezaan corak pentadbiran bagi keempat-empat negeri tersebut telah menyebabkan setiap negeri mempunyai undang-undang tanah, sistem mahkamah dan sistem percuaian tersendiri.¹⁸ Kerajaan Inggeris berpendapat kuasa-kuasa tersebut boleh diselaraskan jika sebuah Persekutuan¹⁹ ditubuhkan di Tanah Melayu.

Tambahan pula pada masa itu para pemimpin Melayu sendiri berharap agar dengan tertubuhnya Persekutuan, negeri-negeri mereka yang miskin dan mundur boleh dimajukan dengan bantuan negeri lain yang lebih kaya.²⁰ Negeri Perak dan Selangor misalnya adalah lebih kaya berbanding dengan Negeri Sembilan dan Pahang. Oleh itu mereka berharap hasil yang diperolehi dari negeri Perak dan Selangor boleh menolong memajukan Negeri Sembilan dan Pahang. Negeri Perak sememangnya lebih kaya kerana buminya mempunyai hasil yang lumayan seperti bijih timah dan tanahnya sangat subur untuk pertanian.²¹

Selain itu matlamat pembentukan sistem pemerintahan Persekutuan juga ialah untuk membahagi-bahagikan kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kerajaan pusat diperuntukkan bidang kuasa yang lebih besar berbanding dengan peruntukan kuasa yang diberikan kepada kerajaan negeri. Inilah beberapa faktur yang menyebabkan beberapa pertimbangan telah dibuat bagi pembentukan Persekutuan pada tahun 1896. Tambahan pula pada masa itu kerajaan Inggeris telah menetapkan dasar untuk menujuhkan sistem Persekutuan di negeri-negeri tanah jajahannya.²²

Langkah awal kearah menujuhkan Persekutuan ialah apabila Frank Swettenham diberi kuasa oleh kerajaan Inggeris untuk mendapatkan tandatangan persetujuan Raja-raja Melayu bagi membentuk Persekutuan. Dengan kadar yang segera beliau telah berjaya mendapatkan tandatangan dari sultan Selangor, Perak,

Negeri Sembilan dan Pahang sebagai tanda sokongan bagi penubuhan sistem Persekutuan di Tanah Melayu. Dengan itu Perjanjian Persekutuan (*Treaty of Federation 1895*)²³ pun dipersetujui dan ditandatangani pada bulan Julai tahun 1895.²⁴ Mengikut perjanjian ini seorang Ketua Residen (*Resident-General*) akan dilantik sebagai pegawai yang bertugas di bawah kerajaan pusat (Inggeris) di Kuala Lumpur.²⁵ Ketua Residen akan bertugas di bawah seliaan dan pengawasan Pesuruhjaya Tinggi bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu yang juga sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat yang berpusat di Singapura pada masa itu.²⁶

Persetujuan Sultan bagi keempat-empat buah negeri, iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang untuk bergabung dalam satu Persekutuan pada tahun 1895 telah merintis jalan ke arah Sistem Kerajaan Persekutuan.²⁷ Berdasarkan pengalaman dan kejayaannya memujuk Raja-raja Melayu untuk menubuhkan Persekutuan Frank Swettenham telah dilantik secara rasmi sebagai Ketua Residen pada 1 haribulan Julai 1896. Beliau telah memilih Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran bagi Persekutuan yang baru ditubuhkan.²⁸ Kedudukan beliau sebagai Ketua Residen sentiasa berada dibawah pengawasan Gabenor Charles Mitchell iaitu Gabenor bagi Negeri-negeri Selat, merangkap sebagai Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu bersekutu pada masa itu. Namun demikian setelah segala-galanya selesai pada 11 haribulan Julai 1896 barulah sistem Persekutuan dibentuk secara rasmi. Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang diletakkan di bawah pemerintah pusat dan digelar dengan nama “Negeri-negeri Melayu Bersekutu” atau “*Federated Malay States*”.²⁹

Penubuhan Persekutuan ini telah menghasilkan beberapa kebaikan dan juga mendatangkan beberapa keburukan ke atas sistem pemerintahan negeri-negeri Melayu pada masa itu. Di antara kebaikannya ialah ia dapat melicinkan dan memantapkan sistem pemerintahan yang ada. Di peringkat Persekutuan Ketua Residen yang mempunyai kuasa untuk menyelaraskan segala tindakan yang dilakukan oleh Residen-residen Negeri. Ketua Residen pula bertugas di bawah arahan Pesuruhjaya Tinggi bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Gabenor Negeri-negeri Selat pada masa itu. Di antara tindakan yang dilakukan oleh Frank Swettenham selaku Ketua Residen pada masa itu ialah memperkenalkan Majlis Persidangan Raja-raja Melayu yang telah diistilahkan sebagai *Durbar*.³⁰

Durbar telah diadakan buat pertama kalinya mulai 14 hingga 17 haribulan Julai tahun 1897 di Istana Negara Kuala Kangsar Perak. Ianya telah dihadiri oleh Sultan Idris (Sultan Perak), Sultan Ahmad (Sultan Pahang), Sultan Abdul Samad (Sultan Selangor) dan Tuanku Muhammad (Yam Tuan Negeri Sembilan). Yang hadir bagi pihak kerajaan British pula ialah Charles Mitchell Gabenor bagi Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Frank Swettenham Ketua Residen bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu , Hugh Clifford (Residen Pahang), J.P. Rodger (Residen Selangor) dan W.H. Treacher (Residen Perak).³¹ Majlis Persidangan yang pertama itu telah menjadi perintis jalan kepada Majlis Persidangan Raja-raja Melayu yang berterusan sehingga kehari ini.³²

Penubuhan Persekutuan juga telah menghasilkan beberapa kesan yang kurang baik. Di antaranya bila sistem Persekutuan dilaksanakan kuasa menggubal undang-undang yang dipegang oleh Majlis Mesyuarat Negeri semakin hilang, kerana ianya diambil alih oleh pentadbiran pusat di Kuala Lumpur.³³ Begitu juga kuasa Sultan menjadi semakin sedikit dan semakin kurang. Tambahan pula Majlis Persidangan Raja-raja Melayu (*Durbar*) yang ditubuhkan tidak mempunyai apa-apa kuasa dari segi penggubalan undang-undang.³⁴ Sebaliknya kuasa Ketua Residen Inggeris yang berada terus di bawah pengawasan Gabenor Negeri-negeri Selat semakin bertambah. Sistem Persekutuan telah memberi peluang kepada Ketua Residen menggunakan kuasanya dalam menentukan berbagai-bagai dasar bagi Negeri-negeri Melayu bersekutu. Sultan seolah-olah sudah kehilangan kuasa dalam penggubalan undang-undang di negeri masing-masing.³⁵

Ketua Residen telah menggunakan kuasanya dengan mengadakan persidangan dengan Residen-Residen Negeri untuk menggubal undang-undang dan menentukan pelbagai polisi pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Persidangan di antara Residen-Residen Negeri dengan Ketua Residen (*Conference of Residents*) yang diadakan pada masa itu telah mengambil peranan sebagai sebuah badan perundangan diperingkat pusat. Buktinya beberapa perkara yang berkaitan dengan pengubalan undang-undang telah diperbincangkan. Contohnya dalam laporan persidangan yang diadakan pada 3 haribulan Julai 1905 dicatatkan:

*"The subject of an Enactment to restrict and regulate the sale of Morphine is discussed. The Residents... express themselves in favour of the passing of an Enactment on the lines of the Ordinance recently passed in the Colony."*³⁶

Kenyataan di atas membuktikan bahawa *Conference of Residents* telah memainkan peranan untuk membincang dan menggubal undang-undang di peringkat pusat. Ketetapan dan keputusan yang dibuat itu boleh menjadi suatu undang-undang yang akan dilaksanakan oleh penjajah British di Tanah Melayu.

Sememangnya pegawai-pegawai British kerap kali mengadakan persidangan sesama mereka di peringkat pusat di Kuala Lumpur tanpa menjemput Sultan-sultan dan pembesar-pembesar Melayu. Misalnya “Persidangan Residen-Residen” (*Conference of Residents*) yang diadakan di Carcosa, Selangor (sekarang Wilayah Persekutuan) pada bulan Julai 1902 tidak ada Sultan atau wakil pemimpin Melayu yang dijemput. Persidangan tersebut dipengerusikan oleh W.H. Treacher selaku Ketua Residen dan dianggotai oleh J.p. Rodger Residen Perak, A.R. Venning Residen Selangor, D.H. Wise Residen Negeri Sembilan dan F. Duberly Residen Negeri Pahang.³⁷ Seterusnya pada persidangan di hari kedua beberapa orang pegawai British yang lain turut dijemput. Di antaranya ialah Mr. Belfield (penasihat undang-undang) dan Mr. Hare sebagai Setiausaha Urusan orang-orang Cina (*Secretary For Chinese Affairs*).³⁸ Dalam persidangan pada 25 haribulan Julai 1902 seorang lagi anggota persidangan yang ditambah iaitu A.T.D. Berrington selaku Pesuruhjaya Tanah dan Galian.³⁹ Kenyataan di atas membuktikan bahawa walaupun ada pertambahan ahli-ahli yang dijemput, Raja-raja dan pemimpin Melayu tidak dijemput bahkan mereka tidak diberikan peranan yang sewajarnya dalam pentadbiran diperingkat pusat.

Begitu juga mengikut laporan persidangan yang diadakan pada 3 haribulan Julai 1905 hanya tujuh orang pegawai British sahaja yang terlibat. Tidak ada Raja atau pemimpin-pemimpin Melayu yang dijemput. Pegawai-pegawai British yang dimaksudkan ialah W.T. Taylor selaku Pengerusi Persidangan (Ketua Residen), E.W. Birch (Residen Perak), H. Conway Belfield (Residen Selangor), D.G. Campbell (Residen Negeri Sembilan), Cecil Wray (Residen Pahang), A.T.D. Berrington (Penasihat Undang-undang) dan W.D. Barnes sebagai *Secretary For Chinese Affairs*.⁴⁰ Kenyataan ini sekali lagi membuktikan Raja-raja Melayu tidak diberi peluang untuk berperanan sebagai anggota badan perundangan diperingkat pusat.

Pihak Inggeris juga didapati telah mungkir janji kerana Majlis Mesyuarat Negeri yang dijanji akan ditubuhkan dahulu tidak ditubuhkan di negeri-negeri berkenaan. Ketua Residen dan pegawai-pegawainya di Kuala Lumpur sebenarnya yang memerentah. Kuasa telah banyak berpindah kepada kerajaan pusat. Sultan, dan Kerajaan Negeri terpaksa menerima segala keputusan yang telah dibuat di ibu pejabat Ketua Residen di Kuala Lumpur.⁴¹ Kesimpulannya sejak 1896 Sultan-sultan tidak banyak memainkan peranan mereka dalam penggubalan undang-undang dan pemerentahan negeri. Undang-undang dan arahan kebanyakannya terus dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Residen di Kuala Lumpur bagi pihak Gabenor Negeri Selat.

Perlaksanaan sistem Persekutuan itu akhirnya telah menyebabkan Raja-raja Melayu merasakan diri mereka telah kehilangan kuasa kecuali dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat resam sahaja. Tambahan pula Majlis Persidangan Raja-raja Melayu (*Durbar*) yang diperkenalkan oleh Swettenham pada tahun 1897 tidak pernah bersidang selepas itu. Ia baru dihidupkan semula pada tahun 1903. Selepas tempoh enam tahun (1897 hingga 1903) barulah Majlis Persidangan Raja-raja Melayu (*Durbar*) bagi kali yang kedua diadakan di Kuala Lumpur, iaitu mulai 20 hingga 23 haribulan Julai 1903.⁴² Persidangan tersebut telah dihadiri oleh Sultan keempat-empat negeri tersebut serta beberapa orang pembesar British. Mereka yang hadir ialah Sultan Idris (Sultan Perak), Sultan Ahmad (Sultan Pahang), Sultan Abdul Samad (Sultan Selangor), Tuanku Muhammad (Yam Tuan Negeri Sembilan), Frank Swettenham (Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu), W.H Treacher (Ketua Residen), H.C Belfield (Residen Selangor), J.P. Rodger (Residen Perak), W. Egerton (Residen Negeri Sembilan) dan D.G. Campbell (Pemangku Residen Pahang).⁴³

Dalam persidangan semula itu (1903) Raja-raja Melayu telah pun menyuarakan bantahan mereka terhadap perlaksanaan sistem Persekutuan yang telah diperkenalkan oleh pemerintah Inggeris. Bantahan mereka telah disampaikan oleh Sultan Idris (Sultan Perak) yang mewakili keempat-empat orang Raja bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Ketika berucap dalam Persidangan Raja-raja Melayu yang kedua (*Durbar*) pada tahun 1903⁴⁴ baginda Sultan Idris telah mengkritik corak pemerintahan Persekutuan kerana banyak kuasa Sultan, kuasa Residen Negeri dan kuasa Majlis Mesyuarat Negeri diambil oleh kerajaan pusat (*Resident-General* di

Kuala Lumpur). Baginda menegaskan, mengikut Perjanjian Pangkor 1874, Residen Negeri dilantik untuk menjadi penasihat Sultan. Sultan sepatutnya berhak memegang kuasa perundangan dan pemerintahan di negeri-negeri Melayu, bukannya menjadi hak mutlak Ketua Residen semata-mata.⁴⁵

5.3 Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan (*The Federal Council*)

Tuntutan Sultan Perak yang mewakili Raja-raja lain itu mendapat perhatian dari pemerintah Inggeris. Tuntutan tersebut telah menyebabkan pihak Inggeris bersedia mengubah dasarnya daripada pemusatan kuasa “centralisation” kepada pegembalian semula kuasa “decentralisation”. Perubahan itu bertujuan untuk mengembalikan semula kuasa Raja-raja Melayu, Residen Negeri dan Majlis Mesyuarat Negeri. Manakala kuasa Ketua Residen dapat dibendung.⁴⁶ Namun demikian proses pengembalian semula kuasa itu tidak dilakukan dengan segera pada tahun 1903. Proses “decentralisation” itu hanya dilakukan selepas termeterainya Perjanjian Perlombagaan Majlis Mesyuarat Persekutuan (*Agreement For The Constitution of A Federal Council 1909*)⁴⁷ pada 20 haribulan Oktober tahun 1909.⁴⁸ Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh John Anderson dan Raja-raja Melayu serta Orang-orang Besar Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.⁴⁹ Mereka telah bersetuju untuk membentuk sebuah Majlis Mesyuarat Persekutuan (*The Federal Council*) bagi negeri-negeri Melayu bersekutu. Majlis Mesyuarat tersebut diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British dan Ketua Residen sebagai pembantu.⁵⁰

Mengikut laporan mesyuarat pertama yang telah diadakan pada hari Sabtu 11 haribulan Disember 1909, empat belas orang anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan yang terlibat ialah John Anderson Pesuruhjaya Tinggi British sebagai Presiden Majlis Mesyuarat (*President*), William Thomas Taylor Ketua Residen (*Resident-General*), Sultan Idris Mersid El-Azam Syah (Sultan Perak), Sultan Suleiman Syah (Sultan Selangor), Tunku Mahmud (Pemangku Sultan Pahang), Tunku Muhammad (Yam Tuan Besar Negeri Sembilan), Ernest Woodford Birch (Residen Perak), Henry Conway Belfield (Residen Selangor), Edward Lewis Brockman (Residen Pahang) dan Douglas Graham Campbell (Residen Negeri Sembilan).⁵¹ Selain itu terdapat empat orang ahli tidak rasmi yang dicadangkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British sendiri.⁵² Mereka ialah tiga orang Eropah dan seorang dari bangsa Cina. Tiga orang bangsa Eropah ialah Francis Douglas Osborne, Richard Walter Harrison dan John Henry Matthews Robson. Manakala seorang ahli berbangsa Cina yang dilantik ialah Towkay Eu Tong Seng.⁵³ Oleh itu jumlah keseluruhan anggotanya ialah seramai empat belas orang.⁵⁴ Jumlah keanggotaan ini tetap tidak berubah sehingga ke tahun 1913 apabila anggotanya ditambah menjadi lima belas orang.⁵⁵

Usaha untuk membentuk sebuah Badan Perundangan rasmi diperingkat pusat boleh dikira sebagai berjaya apabila Majlis Mesyuarat Persekutuan berjaya mengadakan mesyuarat pertamanya pada tahun 1909. Dengan

tertubuhnya Majlis Mesyuarat Persekutuan ini maka era kewujudan Parlimen telah bermula di Tanah Melayu.⁵⁶ Namun demikian bagi Kerajaan British penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan ini mempunyai beberapa matlamat yang menguntungkan mereka. Di antaranya ialah ia dapat mendorong Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menyatakan kesediaan mereka untuk bernaung di bawah kerajaan Inggeris. Dengan adanya Majlis Mesyuarat Persekutuan penguasa-penguasa di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menganggap bahawa kuasa yang sedia ada pada mereka tidak akan luput apabila mereka bergabung di bawah naungan Kerajaan Inggeris. Ini jelas terbukti apabila dalam tahun 1909 itu telah dilangsungkan Perjanjian Bangkok yang menyebabkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu kemudiannya telah bergabung di dalam kerajaan Inggeris secara rasmi.⁵⁷

Selain itu penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan juga membolehkan Sultan-sultan terlibat secara rasmi sebagai anggota badan perundangan Persekutuan. Mereka berpeluang mengemukakan pandangan tentang perkara yang bersangkutan dengan pemerintahan negeri sendiri semasa mesyuarat tersebut berjalan. Majlis Mesyuarat Persekutuan juga menyediakan peluang kepada golongan peniaga mengemukakan pandangan mereka dalam soal yang berkaitan dengan pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Buktinya dari tahun 1909 hingga 1920 terdapat tiga orang Towkay Cina yang terlibat menjadi anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan iaitu Towkey Eu Tong Seng⁵⁸ Towkey Leong Fee⁵⁹ dan Mr. Eu Tong Sen.⁶⁰

Bidangkuasa Ketua Residen yang terlalu luas dalam pemerintahan dan pengubalan undang-undang juga dapat dihadkan. Ketua Residen tidak lagi menguasai keewangan, dan beliau terpaksa menerima pandangan Raja-raja Melayu dan golongan peniaga. Akhirnya pada tahun 1911 jawatan Ketua Residen telah dihapuskan dan diganti dengan jawatan Ketua Setiausaha (*The Chief Secretary*). Orang terakhir yang memangku jawatan Ketua Residen dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan ialah Reginald George Watson pada tahun 1911.⁶¹ Dalam persidangan kali kedua pada tahun yang sama tempat beliau telah diambil alih oleh Ketua Setiausaha bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang baru dilantik iaitu Arthur Henderson Young.⁶²

Dari segi perkembangan keseluruhan, keanggotaan dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan sentiasa bertambah selaras dengan perubahan pentadbiran kerajaan British di Tanah Melayu. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini di awal penubuhannya pada tahun 1909 bilangan anggotanya hanya seramai empat belas orang sahaja. Bilangan tersebut kekal sehingga berlaku perubahan pertama pada tahun 1913, di mana seorang penasihat undang-undang (*The Legal Adviser*) telah dilantik untuk menjadi anggota Majlis Mesyuarat. Penasihat undang-undang tersebut ialah Feederick Belfield. Beliau telah dijemput untuk menghadiri sidang mesyuarat yang telah diadakan pada hari Selasa 18 haribulan Julai 1913.⁶³ Dengan kehadiran beliau itu bilangan anggota Majlis Mesyuarat telah bertambah menjadi lima belas orang kesemuanya. Seterusnya pada penghujung tahun yang sama juga

jumlah bilangan anggota Majlis Mesyuarat sekali lagi ditambah. Jumlah anggota mesyuarat yang dilantik secara tidak rasmi yang biasanya seramai empat orang telah ditambah menjadi lima orang. Pada persidangan hari Selasa 25 haribulan November 1913 Arthur Payne-Gallwey telah dilantik sebagai ahli biasa untuk menganggotai Majlis mesyuarat. Dengan itu jumlah keseluruhan sekali lagi bertambah menjadikan enam belas orang kesemuanya.⁶⁴

Dalam masa beberapa tahun terdapat beberapa pertukaran ahli kerana ada ahli-ahli lama yang keluar dan ada ahli-ahli baru yang masuk menjadi anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan. Walaupun pertukaran ahli-ahli sentiasa berlaku, jumlah enam belas orang itu terus dikekalkan. Sekiranya berlaku kekosongan kerusi, ahli baru akan segera dilantik. Buktinya dalam mesyuarat kali kedua pada hari Rabu 30 haribulan April tahun 1919, ahli tak rasmi yang ada hanya empat orang sahaja (sepatautnya lima orang). Kekosongan ini menyebabkan jumlah keseluruhan ahli mesyuarat hanya tinggal lima belas orang sahaja (sepatautnya enam belas).⁶⁵ Dalam Majlis Mesyuarat kali ketiga yang diadakan pada hari Rabu 23 haribulan Julai 1919 didapati seorang ahli baru yang bernama Erin Macfadyen telah dilantik untuk mengisi kekosongan kerusi tersebut. Beliau didapati telah datang melapor diri semasa Majlis sedang bersidang (*during part of the session*). Kehadiran beliau ini membolehkan bilangan keanggotaan terus kekal seramai enam belas orang.⁶⁶ Penjelasan ini menunjukkan bahawa jumlah keanggotaan seramai enam belas orang itu terus dikekalkan.

Pada tahun 1920 kerajaan British telah melantik Sir Laurence Nunns Guillemard sebagai Pesuruhjaya Tinggi British yang baru. Ini bermakna beliau telah mengambil alih jawatan Presiden Majlis Mesyuarat Persekutuan. Beliau telah dibantu oleh Edward Lewis Brockman sebagai Ketua Setiausaha.⁶⁷ Pada masa itu satu lagi kerusi untuk pegawai British yang dilantik secara rasmi telah ditambah. Kerusi yang dimaksudkan ialah Bendahari bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (*The Treasurer Federated Malay States*) yang disandang oleh Henry Armstrong Smallwood.⁶⁸ Begitu juga bilangan anggota tidak rasmi yang boleh dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British telah ditambah seorang lagi menjadikan enam orang kesemuanya. Ahli yang baru dilantik itu ialah William Duncan.⁶⁹ Kesimpulannya jumlah keahlian anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan mulai 28 haribulan Julai 1920 telah ditambah menjadi lapan belas orang kesemuanya.⁷⁰

Pada tahun 1921 jawatan Bendahari Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdapat di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan telah dihapuskan. Jawatan tersebut telah digantikan dengan jawatan baru iaitu Penasihat Keewangan (*The Financial Adviser*). Oleh itu Arthur Meek Pountney telah dilantik sebagai Penasihat Keewangan⁷¹ bagi menggantikan Francis Alexander Stewart McClelland yang memangku jawatan Bendahari sebelumnya.⁷² Bilangan keseluruhan anggotanya masih lagi seramai lapan belas orang dengan jumlah keahlian tidak rasmi seramai enam orang.⁷³

Dari segi pelaksanaannya Majlis Mesyuarat Persekutuan tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana matlamat ianya ditubuhkan. Pengembalian kuasa kepada Sultan-Sultan sebenarnya tidak berlaku seperti yang dijanjikan. Para Sultan hanya menjadi ahli biasa yang tidak dapat menggunakan kuasanya. Soal perundangan, pentadbiran dan pemerentahan hanya tertumpu kepada pejabat Setiausaha sahaja. Keadaan tersebut menyebabkan pada tahun 1924 Sultan Perak berangkat ke London untuk mendesak agar Pejabat Tanah dan Jajahan mengembalikan semula kuasa Raja-Raja Melayu.⁷⁴

Kemungkinan besar disebabkan desakan tersebutlah di dapati bahawa pada bulan julai 1924 bilangan keanggotaan dalam Majlis Perundangan Pesekutuan sekali lagi ditambah. Bilangan ahli-ahli tidak rasmi yang dilantik telah bertambah dari enam orang kepada lapan orang, menjadikan jumlah keseluruhan ahlinya seramai dua puluh orang. Dua ahli baru yang ditambah itu ialah seorang mewakili orang-orang Melayu dan seorang lagi mewakili kaum Cina. Wakil Melayu ialah Raja Chulan bin Raja Abdullah (Raja Di Hilir Perak) dan waki kaum Cina ialah Choo Kia Peng.⁷⁵ Bilangan keanggotaan seramai dua puluh orang itu berkuatkuasa terus dari tahun 1924 sehingga tahun 1927. Mengikut pecahan kaum jumlah dua puluh orang Ahli Majlis Mesyuarat itu adalah terdiri dari tiga belas orang berbangsa Inggeris, lima orang mewakili bangsa Melayu dan dua orang mewakili kaum Cina.⁷⁶

Pada bulan Mei tahun 1927, Majlis Mesyuarat Persekutuan telah mengalami satu perubahan besar di sebabkan keempat-empat orang Raja dari empat buah negeri-negeri Melayu Bersekutu membantah dengan mengundurkan diri dari menyertai majlis tersebut. Para Sultan walaupun masih menjadi anggota majlis, tetap tidak mahu menghadirkan diri kerana tidak bersetuju dengan perjalanan Mesyuarat. Mereka membantah kerana peranan mereka dalam majlis tersebut sangat sedikit dan amat terhad. Walau bagaimanapun mereka masih bersetuju untuk menghantarkan empat orang wakil untuk menggantikan mereka bagi menyuarakan hak-hak orang melayu.⁷⁷ Pihak Inggeris juga telah bersetuju untuk melantik empat orang ahli yang bertaraf tidak rasmi sebagai gantinya.⁷⁸ Sultan Perak, Paduka Sri Sultan Iskandar Syah Ibni Idris telah digantikan oleh Raja Chulan bin Abdullah (Raja di Hilir Perak). Sultan Selangor, Sultan Ala'iddin Sulaiman Syah telah digantikan oleh anaknya Raja Musa Udin (Raja Muda Selangor). Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Muhammad Ibni al-Marhum Antah telah diganti oleh Abdullah bin Haji Dahan (Dato Penghulu Rembau). Manakala Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ibni Al-Marhum Al-Sultan Ahmad Al-Maazam Syah telah digantikan oleh Tungku Suleiman (Tungku Besar Pahang).⁷⁹ Ini bermakna wakil-wakil dari kalangan pemimpin Melayu dalam Majlis Mesyuarat hanya tinggal empat orang sahaja, dan wakil kaum Cina tetap seramai dua orang iaitu Wong Yick Tong dan Cheah Cheang Lim. Kedudukan mereka tetap dianggap sebagai ahli tidak rasmi (tanpa memegang apa-apa jawatan di dalam Majlis Mesyuarat).⁸⁰

Begitu juga suatu perubahan lain yang dibuat terhadap Majlis Mesyuarat Persekutuan pada bulan Mei 1927 itu ialah seramai lima ahli baru yang bertaraf rasmi (memegang pelbagai jawatan rasmi) telah dilantik. Mereka ialah Dr. Richard Dowden (*the Principal Medical Officer*), Edward Wilmot Francis Gilman (*the Controller of Labour*), Claude Vyvian Armit Espeut (*the Director of Public Works*), Newnham Arthur Worley (*the Acting Director of Education*) dan John Strachan (*General Manager Federated Malay States Railways*).⁸¹ Mengikut perjanjian di antara Raja-raja Melayu dengan Pesuruhjaya Tinggi British yang telah termeterai pada 24 haribulan April 1927, Pesuruhjaya Tinggi diberikan kuasa untuk melantik sebelas orang ahli-ahli yang tidak rasmi menjadi anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan.⁸² Dengan itu jumlah keseluruhan ahli Majlis Mesyuarat mulai bulan Mei 1927 telah bertambah dari dua puluh orang kepada 24 orang.⁸³ Jumlah tersebut berkekalan sehinggalah berlaku penambahan ahli seterusnya pada awal tahun 1928.

Pada persidangan pertama 27 Februari 1928 dua lagi anggota Majlis Mesyuarat telah ditambah. Kedua-dua mereka ialah Maurice Diminic Daly iaitu seorang pegawai yang memegang jawatan sebagai “*Commissioner of Trade and Custom, Federated Malay States*” dan Subbiah Naidu Veerasamy sebagai seorang ahli yang tidak rasmi yang baru dilantik bagi mewakili kaum India.⁸⁴ Beliau merupakan wakil kaum India yang pertama dilantik sebagai anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan kerana semenjak Majlis Mesyuarat Persekutuan yang pertama bersidang (1909) hingga awal tahun 1928 sememangnya tidak ada seorang pun wakil bagi kaum India yang terlibat. Semasa menyampaikan ucapan pembukaan

pada persidangan pertama 27 haribulan Februari 1928 Hugh Clifford selaku Presiden Majlis Mesyuarat Persekutuan pada masa itu menjelaskan:

“Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan syabas kepada Encik Veerasamy di atas pelantikan beliau sebagai sebagai perwakilan yang pertama yang dilantik dari kalangan masyarakat India untuk menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu”⁸⁵

Dengan penambahan ahli baru itu maka jumlah anggota Majlis Mesyuarat Persekutuan telah bertambah dari dua puluh empat orang kepada dua puluh enam orang.⁸⁶

Jumlah dua puluh enam orang ahli itu berkekalan sehingga berlaku pertambahan sekali lagi dalam pertengahan tahun 1931. Dalam persidangan pada 13 haribulan Julai 1931 satu lagi jawatan baru telah ditambah didalam keanggotaan Majlis Mesyuarat Persekutuan. Jawatan tersebut ialah “*the Secretary for Chinese Affairs*”. Pada masa itu jawatan tersebut telah dipangku oleh Arthur Benjamin Jordan yang juga berbangsa Inggeris.⁸⁷ Dengan pertambahan itu keanggotaan Majlis Mesyuarat Persekutuan kini berjumlah seramai dua puluh tujuh orang. Bilangan itu berkekalan sehingga akhir tahun 1933.⁸⁸

Dalam tahun 1931 juga Sir Cecil Clementi (Pesuruhjaya yang baru) telah berusaha semula untuk mengembalikan kuasa kepada Raja-raja Melayu. Dalam Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu ketiga (*Durbar*) pada tahun 1931 di Sri Menanti, Clementi ada mencadangkan agar sistem Persekutuan yang ada dihapuskan dan ditubuhkan suatu kesatuan bagi semua negeri-negeri Melayu. Sistem mesyuarat bagi negeri-negeri hendaklah disusun semula dan anggotanya

hendaklah ditambah. Usul tersebut telah diterima oleh empat orang Sultan tetapi ditolak oleh pihak-pihak lain terutama golongan pedagang. Oleh itu cadangannya terpaksalah dibatalkan⁸⁹ kerana ditolak oleh golongan majoriti. Dengan itu tidak berlaku apa-apa pertambahan kuasa kepada Sultan dan pemimpin-pemimpin Melayu di peringkat negeri bahkan kuasa tertinggi dalam penggubalan undang-undang masih banyak terserah kepada Majlis Mesyuarat di peringkat Persekutuan.

Pertambahan terakhir bilangan keanggotaan dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan telah berlaku pada tahun 1934. Pada tahun tersebut satu lagi jawatan rasmi telah diujudkan iaitu “*the Director of Agriculture*” yang pada masa itu disandang oleh Harold Augustin Tempany. Beliau secara rasmi telah terlibat menjadi ahli Majlis Mesyuarat pada hari Isnin 19 haribulan Mac 1934.⁹⁰ Pertambahan ini menjadikan kedudukan Majlis Mesyuarat Persekutuan telah berada pada tahap keanggotaan yang paling ramai iaitu seramai dua puluh lapan orang.⁹¹ Jumlah bilangan dua puluh lapan orang itu terus berkekalan selama tujuh tahun iaitu dari tahun 1934 sehingga tahun 1940.⁹²

Mulai bulan Disember tahun 1941 hingga tahun 1945 Persekutuan Tanah Melayu telah terlibat dengan huru-hara Perang Dunia Kedua. Tanah Melayu telah dijajah oleh tentera Jepun. Pada masa itu kuasa Perundangan dan Pemerintahan berada di bawah kawalan tentera Jepun. Pengalaman pahit di zaman pemerintahan Jepun banyak mempengaruhi pembesaran badan perundangan persekutuan selepas itu. Setelah perang tamat dalam bulan Ogos 1945, Tanah Melayu diletakkan di bawah Pemerintahan Tentera Inggeris (*British Military*

Administration) selama beberapa bulan. Kemudiannya, pemerintah British telah memperkenalkan satu corak pemerintahan baru yang dikenali sebagai Malayan Union.

5.4 Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union (*Advisory Council of The Malayan Union*)

Rancangan Malayan Union diumumkan oleh George Hall, Setiausaha Tanah Jajahan, semasa persidangan Parlimen British pada Oktober 1945. Dalam rancangan ini, Sir Harold MacMichael telah dilantik sebagai wakil kerajaan British untuk mendapatkan persetujuan berupa tandatangan Raja-raja Melayu. Pada 11 Oktober 1945, MacMichael tiba di Tanah Melayu dan selesai menjalankan tugasnya pada 21 Disember 1945.⁹³ Ini bermakna di antara bulan Oktober hingga Disember 1945 sembilan orang Raja-raja Melayu secara terdesak telah bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh Sir Harold MacMichael.⁹⁴ Persetujuan itu dikenali dengan istilah “Perjanjian MacMichael” atau “*The MacMichael Treaties*”⁹⁵.

Pada 1 haribulan April 1946, Malayan Union telah ditubuhkan dengan Edward Gent menjadi Gabenornya. Sebuah badan perundungan yang dinamakan Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union (*Advisory Council of The Malayan Union*) juga telah dibentuk.⁹⁶ Anggota badan perundungan di bawah pentadbiran Malayan Union itu adalah terdiri dari Gabenor Malayan Union selaku presiden, tiga orang ahli *Ex-Officio*, ahli-ahli rasmi dan ahli-ahli yang tidak rasmi.⁹⁷

Ahli-ahli *Ex-Officio* adalah terdiri dari Ketua Setiausaha, Ketua Peguam (*Attorney-General*) dan Setiausaha Keewangan.⁹⁸ Ahli-ahli rasmi ialah ahli-ahli yang dilantik oleh Gabenor dari kalangan pegawai-pegawai kerajaan di bawah pentadbiran Malayan Union.⁹⁹ Manakala ahli-ahli yang tidak rasmi pula ialah ahli-ahli yang juga dilantik oleh Gabenor Malayan Union yang bukan dari kalangan pegawai kerajaan dan mestilah berumur dua puluh satu tahun ke atas.¹⁰⁰ Pada peringkat permulaan Majlis ini mempunyai tiga belas orang ahli yang mewakili Negeri-Negeri Melayu dan dua buah Negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Manakala Singapura pula dianggap menjadi sebuah tanah jajahan British yang berasingan.¹⁰¹

Majlis tersebut telah mengadakan persidangannya yang pertama pada hari Isnin satu haribulan April 1946. Tiga belas orang anggota Majlis Persidangan yang terlibat ialah Gabenor Malayan Union iaitu G.E.J. Gent sebagai ketua, A.T. Newboult sebagai Ketua Setiausaha, K.K. O'Connor sebagai Ketua Peguam dan W.D. Godsall sebagai Setiausaha Keewangan. Manakala ahli-ahli biasa pula terdiri dari S.B. Palmer, H.H. Abdool Cader, W.G.C. Blunn, M.L.R. Doraisamy Aiyer, Dr. (Miss) Soo Kim Lan, Colonel H.S. Lee, Dr. Ong Chong Keng, Dr. Tan Cheng Leng, dan Tan Eng Chye. Kesimpulannya jumlah keanggotaan diperingkat permulaan hanya seramai tiga belas orang sahaja.¹⁰²

Melalui rancangan Malayan Union Pihak British cuba menyatukan ketiga-tiga sistem pentadbiran iaitu Negeri-Negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu tidak bersekutu.¹⁰³ Ini bermakna, Tanah Melayu akan menjadi sebuah “*Negeri Kesatuan*” dan Raja-Raja Melayu akan

kehilangan kedudukan mereka sebagai “*Raja Berdaulat*”. Dalam sistem Malayan Union Sultan-sultan Melayu tidak lagi dianggap sebagai anggota badan perundangan. Bahkan Sultan-sultan tidak lagi dijemput menghadiri Majlis Mesyuarat tajaan Malayan Union. Undang-undang yang digubal tidak perlu dipersetujui oleh Sultan. Sebaliknya Gabenorlah yang akan memberi persetujuan.¹⁰⁴ Sultan-sultan hanya menjadi pengurus dalam Majlis Penasihat orang-orang Melayu, menguruskan soal-soal ugama dan adat istiadat di negeri masing-masing. Majlis-majlis Mesyuarat Negeri terus berada di bawah kawalan kerajaan pusat yang diketuai oleh Gabenor Malayan Union. Setiap negeri juga dikehendaki menerima seorang Pesuruhjaya Negeri (British) yang menjadi Ketua Pentadbir di peringkat negeri.¹⁰⁵

Dalam persidangan Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union kali yang kedua didapati dua orang anggota baru telah ditambah iaitu Mr. E.P Bell (*The Solicitor-General*) dan Mr. C.J. Pyke (*The Economic Adviser*).¹⁰⁶ Penambahan ini menyebabkan keanggotaannya bertambah menjadi lima belas orang. Selepas itu telah berlaku beberapa pertukaran dari kalangan ahli-ahli biasa dan ahli-ahli yang memegang jawatan rasmi, namun demikian jumlah keanggotaan seramai lima belas orang itu terus kekal sehingga bulan Mei 1947.¹⁰⁷ Pada bulan Mei 1947 seramai empat orang lagi ahli baru telah ditambah. Ini menjadikan bilangan keanggotaannya telah bertambah menjadi sembilan belas orang kesemuanya. Empat orang ahli baru itu ialah A.W. Wallich, M. Parthasarathy, Dr. Lee Tiang Keng dan E.E.C Thuraisingam.¹⁰⁸ Pertambahan jumlah ahli seterusnya berlaku sekali lagi pada 24 haribulan November 1947 di mana seorang ahli baru yang bernama Jules Martin

telah dilantik. Ini menjadikan jumlah keseluruhan ahlinya telah meningkat kepada dua puluh orang.¹⁰⁹ Jumlah keanggotaan seramai dua puluh orang itu terus kekal sehingga Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union telah dibubarkan pada hari Selasa 27 haribulan Januari 1948.¹¹⁰

Rancangan Malayan Union awal-awal lagi telah mendapat tentangan hebat dari orang-orang Melayu. Sebagai protes orang-orang Melayu tidak menyertai orang-orang Inggeris untuk menjadi anggota Majlis penasihat dan Sultan-sultan tidak menghadiri upacara mengangkat sumpah Gabenor Malayan Union yang baru dilantik.¹¹¹ Orang-orang Melayu juga telah menubuhkan *United Malays National Organisation* (UMNO) untuk menentang Malayan Union. UMNO yang diketuai oleh Dato' Onn bin Jaafar telah memainkan peranan yang aktif untuk menentang Malayan Union dengan mengadakan beberapa siri rapat umum di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Alor Setar, Johor Bahru dan Kota Bahru. UMNO juga menghantar wakil mereka ke London untuk membantah cadangan perlaksanaan Malayan Union. Orang-orang Melayu yang diberi tawaran untuk dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat di peringkat Persekutuan dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri tetap menolak perlantikan masing-masing sebagai bantahan mereka terhadap Malayan Union.¹¹²

Sungguh pun rancangan Malayan Union ditentang hebat oleh orang-orang Melayu, corak pemerintahannya berjaya juga dijalankan oleh British selama hampir dua tahun iaitu dari 1 haribulan April 1946 hingga 31 Januari 1948. Persidangan terakhir Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union telah diadakan pada hari Selasa 27 haribulan Januari 1948. Pada hari itu Majlis tersebut telah

dibubarkan. Buktinya dalam persidangan hari tersebut A.T. Newboult selaku Ketua Setiausaha Malayan Union menegaskan:

*“Tuan, saya mencadangkan mulai sekarang majlis ini hendaklah dibubarkan”.*¹¹³

Kemudian salah seorang ahli yang bernama H.H. Abdool Cader pula berkata:

*“Yang berhormat, memandangkan ini merupakan mesyuarat terakhir bagi Majlis Penasihat Malayan Union, kami ingin mengambil peluang untuk bersyukur kepada Tuhan kerana ianya berakhir dengan harmoni, kami berharap dan berdoa agar Tuhan Yang Maha Kuasa akan membantu kita semua untuk memulakan era penghidupan baru demi masa depan Malaya”.*¹¹⁴

Kedua-dua kenyataan di atas membuktikan bahawa pihak British telah membubarkan Majlis Mesyuarat Penasihat Malayan Union mulai hari tersebut. Seterusnya rancangan penubuhan Malayan Union juga telah dibatalkan selepas itu.

Setelah mengkaji lebih jauh yang mana Malayan Union akan menimbulkan kekacauan jika dijalankan juga, pihak Inggeris bersedia untuk bertolak ansur dengan menubuahkan satu suruhanjaya bagi menggubal satu Perlembagaan Baru yang difikirkan boleh diterima oleh penduduk Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris sanggup membubarkan Malayan Union, dengan syarat semua ketua-ketua kaum Melayu, Cina dan India bersepakat sesama mereka. Bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi, sebuah suruhanjaya telah ditubuhkan. Suruhanjaya itu telah dipengerusikan oleh Sir Malcom Macdonald. Suruhanjaya tersebut dianggotai bersama oleh wakil-wakil kerajaan Inggeris, wakil-wakil UMNO dan Sultan.¹¹⁵

Jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan Malayan Union. Cadangan dari Jawatan kuasa ini akhirnya telah diterima oleh kerajaan Inggeris. Selepas itu pada 21 haribulan Januari 1948 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (*The Federation of Malaya Agreement 1948*)¹¹⁶ telah ditandatangani antara Raja-Raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi Inggeris (Sir Gerard Edward James Gent).¹¹⁷ Dengan perjanjian yang baru ini perjanjian Mac Michael yang telah ditandatangani dahulu dimansuhkan. Dengan itu lahirlah “Persekutuan Tanah Melayu 1948”.

5.5 Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu (*The Legislative Council of The Federation of Malaya*)

Dengan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 Raja-raja Melayu telah memperolehi kembali kedudukan asal mereka dalam negeri-negeri Melayu. Sultan mempunyai kuasa menggubal undang-undang dengan bantuan Majlis Mesyuarat Negeri yang dianggotai oleh ahli-ahli yang rasmi dan tidak rasmi yang dilantik. Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri mestilah disahkan oleh Raja bagi setiap negeri. Baginda juga boleh meluluskan sebarang rang undang-undang yang tidak berjaya diluluskan oleh Majlis tersebut.¹¹⁸ Kuasa Sultan dalam penggubalan undang-undang negeri telah diperuntukkan dalam fasil 102 Perjanjian Persekutuan 1948 sebagaimana berikut:

Rang undang-undang yang telah disahkan Majlis Mesyuarat Negeri tidaklah akan menjadi undang-undang sehingga Yang Maha Mulia Raja Negeri itu telah memberi kesahan di atasnya dan telah dibubuh Mohor Negeri ke atasnya serta telah ditandatangani undang-undang itu mendapat kesahannya itu. Dan apabila sesuatu rang undang-undang itu dipersembahkan kepada Yang Mulia Raja, ia hendaklah menyatakan bahawa ia mengesahkan atau enggan mengesahkannya. Dan sesuatu rang undang-undang yang telah disahkan oleh Yang Maha Mulia Raja hendaklah diisyitharkannya di dalam warta kerajaan dan hendaklah berjalan pada tarikh diisyitharkan itu...¹¹⁹

Fasal ini telah menjelaskan kedudukan Sultan bagi setiap negeri Melayu yang menganggotai Persekutuan Tanah Melayu adalah bertindak sebagai pelulus undang-undang bagi negeri masing-masing. Baginda Sultan memiliki kuasa pemutus bagi badan perundangan negerinya. Tanpa persetujuannya undang-undang di negeri-negeri Melayu tidak akan dapat dikuatkuasakan. Ini membuktikan bahawa Perjanjian Persekutuan 1948 telah mengembalikan semula kuasa kepada Sultan dalam penggubalan undang-undang.¹²⁰

Berasaskan Perjanjian Persekutuan 1948 itu juga kerajaan yang memerintah boleh menukuhkan sebuah badan penggubal undang-undang di peringkat pusat yang dinamakan “Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu”¹²¹ (*The Legislative Council of The Federation of Malaya*).¹²² Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu itu adalah dianggotai oleh tujuh puluh enam orang ahli. Mereka adalah terdiri dari Pesuruhjaya Tinggi British sebagai Yang Dipertua (*President*),¹²³ tiga orang ahli *ex-officio* iaitu Setiausaha Agong (*Chief Secretary*), Ketua Peguam (*Attorney-General*) dan Setiausaha Keewangan (*Financial Secretary*).¹²⁴ Anggota seterusnya ialah sembilan orang yang menjadi Yang Dipertua Majlis Mesyuarat negeri-negeri Melayu¹²⁵ yang biasanya beliau ialah Menteri Besar bagi sembilan buah negeri yang mengamalkan sistem beraja¹²⁶ dan dua orang wakil iaitu seorang dari negeri Melaka dan seorang dari Pulau Pinang.¹²⁷ Dua wakil dari Negeri-negeri Selat tersebut boleh dipilih oleh Majlis Mesyuarat Negeri masing-masing.¹²⁸

Anggota yang lain adalah terdiri dari sebelas orang ahli-ahli rasmi dari kalangan mereka yang memegang jawatan bergaji di bawah kerajaan Persekutuan¹²⁹ dan lima puluh orang ahli-ahli yang tidak rasmi. Ahli-ahli yang tidak rasmi itu mestilah dari kalangan mereka yang tidak memegang apa-apa jawatan yang bergaji di bawah kerajaan Persekutuan.¹³⁰ Kesemua mereka mestilah terlebih dahulu dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.¹³¹ Lima puluh orang ahli yang dilantik itu adalah mewakili semua kaum dari segala peringkat.¹³² Menurut bangsa, orang Melayu berjumlah 31 orang, Cina 14 orang, Eropah 7 orang, India 5 orang, Ceylon 1 orang dan Serani 1 orang.¹³³ Dengan itu jumlah keseluruhan anggotanya ialah seramai tujuh puluh enam orang ahli.

Majlis Mesyuarat inilah yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di peringkat persekutuan. Sebelum dikuatkuasakan undang-undang tersebut mestilah terlebih dahulu direstui oleh Raja-raja Melayu dan dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris.¹³⁴ Undang-undang yang telah diluluskan diistilahkan sebagai “*Ordinances*”.¹³⁵ Namun demikian Pesuruhjaya Tinggi Inggeris masih diberi kuasa-kuasa khas untuk menggubal apa-apa sahaja undang-undang yang difikir perlu oleh pihak penjajah Inggeris walaupun ianya tidak dipersetujui oleh Majlis Undangan.¹³⁶ Mana-mana anggota Majlis Mesyuarat dikira hilang kelayakan sebagai ahli jika sekiranya beliau hilang akal, dikenakan hukuman bunuh atau penjara melebihi dari enam bulan, seorang yang muflis dan jika sekiranya dia terlibat sebagai pengelola mana-mana syarikat perniagaan.¹³⁷

Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama telah mula bersidang pada 24 haribulan Februari 1948. Majlis itu telah diketuai oleh Sir G.E.J. Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi Inggeris dan Presiden Majlis tersebut. Tiga orang ahli *ex-officio* pada masa itu ialah A.T. Newboult (*Chief Secretary*), K.K. O'Connor (*Attorney-General*) dan W.D. Godsall (*Financial Secretary*).¹³⁸ Anggota seterusnya ialah sembilan orang Menteri Besar bagi sembilan buah negeri yang mengamalkan sistem beraja dan dua orang wakil, masing-masing dari negeri Melaka dan Pulau Pinang. Anggota yang lain adalah terdiri dari sebelas orang ahli-ahli rasmi yang memegang berbagai-bagai jawatan dalam pentadbiran kerajaan British dan empat puluh sembilan orang (bukan lima puluh) ahli-ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.¹³⁹ Dengan itu jumlah anggota yang terlibat dalam persidangan kali pertama ialah seramai tujuh puluh lima orang sahaja (bukan tujuh puluh enam). Namun demikian dalam persidangan kedua yang diadakan pada 30 haribulan Mac 1948 seorang lagi ahli tidak rasmi yang bernama Hanafi bin Sukun telah dilantik menjadi anggota persidangan.¹⁴⁰ Dengan perlantikan itu jumlah keseluruhan anggotanya mencukupi iaitu seramai tujuh puluh enam orang sebagaimana yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Perkembangan keanggotaan dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu selama tujuh tahun sejak ianya ditubuhkan pada awal tahun 1948 sehingga ianya dibubarkan pada bulan Ogos 1955 boleh dikatakan stabil. Secara kasarnya sepanjang tahun tersebut jumlah keanggotaannya adalah seramai tujuh puluh enam orang. Cuma beberapa kali sahaja jumlah bilangan anggotanya

tinggal tujuh puluh lima orang. Sebagai contoh persidangan pertama pada 24 haribulan Februari 1948,¹⁴¹ 14 haribulan Jun 1950¹⁴² dan 20 haribulan Mac 1952¹⁴³ anggotanya hanya ada tujuh puluh lima orang kerana ahli tidak rasmi yang dilantik hanya berjumlah empat puluh sembilan orang. Manakala pada 19 haribulan Januari 1955 pula negeri Pulau Pinang tidak menghantar ahli rasmi yang sepatutnya menganggotai persidangan.¹⁴⁴ Jumlah bilangan keanggotaan paling kurang yang pernah berlaku ialah seramai tujuh puluh empat orang ahli (iaitu kekurangan dua orang ahli sahaja). Ini berlaku dalam persidangan pada hari Khamis 16 haribulan Disember 1948, dimana ahli-ahli rasmi yang ada hanya sepuluh orang (sepatutnya sebelas) dan ahli-ahli yang tidak rasmi seramai empat puluh sembilan orang (sepatutnya lima puluh orang).¹⁴⁵ Ini mungkin disebabkan berlaku kematian dikalangan ahli atau ada ahli-ahli yang melepaskan jawatan tetapi tidak sempat dilantik pengantinya.

Persidangan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan biasanya dikendalikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris selaku Presiden Majlis tersebut. Mulai bulan Julai hingga bulan Oktober 1948 tugas Presiden telah diambil alih oleh A.T. Newboult iaitu Pegawai tadbir kerajaan British kerana Sir G.E.J. Gent, Pesuruhjaya Tinggi telah meninggal dunia.¹⁴⁶ Seterusnya pada bulan November 1948 Majlis tersebut telah dikendalikan oleh Presiden yang baru iaitu Sir Henry Gurney selaku Pesuruhjaya British yang baru dilantik.¹⁴⁷ Dalam bulan Oktober 1951 pihak komunis telah membunuh Sir Henry Gurney, tugas Presiden telah diambil alih oleh Pegawai tadbir kerajaan British iaitu Mr. M.V. Del Tufo.¹⁴⁸ Mulai persidangan pada 19 haribulan Mac 1952 barulah Sir Gerald Templer selaku

Pesuruhjaya baru telah dilantik menjadi Presiden Majlis Perundangan yang baru.¹⁴⁹

Pada tahun 1953 Pesuruhjaya Tinggi Inggeris berhenti daripada menjadi Presiden Persidangan Majlis Perundangan Persekutuan. Majlis tersebut telah melantik salah seorang anggota dari bangsa Melayu untuk menjadi Yang Dipertua Majlis atau “Speaker”.¹⁵⁰ Beliau ialah Dato’ Setia Wangsa Mahmud bin Mat, Dato’ Setia Wangsa Negeri Pahang yang berkhidmat mulai bulan Ogos 1953 hingga bulan Ogos 1955 setelah Majlis Perundangan Persekutuan dibubarkan dan pilihanraya pertama dijalankan.¹⁵¹

Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu, sungguh pun masih merupakan sebuah badan yang dilantik sepenuhnya, telah dapat mengadakan beberapa kemajuan, khasnya mengenai tiga jurusan yang terpenting. Pertama Majlis tersebut mewakili kesemua negeri Tanah Melayu. Kedua dalam Majlis itu terdapat ahli yang dilantik untuk menjaga kepentingan masing-masing seperti perusahaan timah, ladang-ladang getah, perusahaan pertanian dan kesatuan sekerja. Ketiga pula ialah pandangan dua pertiga ahli atau lebih dikira sebagai pandangan majoriti. Berasaskan beberapa kemajuan yang dicapai itulah pihak pemerintah British telah bersetuju membenarkan pilihanraya umum diadakan. Dengan itu Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu akhirnya dibubarkan setelah menamatkan persidangannya yang terakhir pada hari Khamis 2 haribulan Jun 1955¹⁵² bagi membolehkan pilihanraya umum diadakan.

Pada bulan April 1954, Kerajaan Inggeris telah mengistiharkan bahawa Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu akan mempunyai jumlah anggota yang dipilih melalui pilihanraya seramai 52 orang dan akan dilantik

oleh pemerintah seramai 46 orang. Ini merupakan sesuatu keputusan yang bersejarah kerana pilihanraya umum dibenarkan oleh pihak Inggeris. Parti yang akan mencapai kemenangan dalam pilihanraya dijanjikan akan diberi kuasa untuk memilih lima dari tujuh orang anggota yang akan dilantik oleh pemerintah Inggeris untuk duduk didalam Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu. Seterusnya pada awal bulan Mac 1955 telah diumumkan bahawa hari penamaan Calon ialah pada hari Rabu 15 haribulan Jun 1955 dan pilihanraya kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama diisyitihar akan diadakan pada hari Rabu 27 Julai 1955.¹⁵³

Setelah pilihanraya umum diadakan, keputusan yang diperolehi ialah Parti Perikatan yang diketuai oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Manakala satu kerusi sahaja dimenangi oleh *Pan-Malayan Islamic Party* (P.M.I.P) di kawasan Krian Perak.¹⁵⁴ Kemenangan ini merupakan suatu petanda kemajuan yang besar di dalam perkembangan demokrasi berparlimen di Persekutuan Tanah Melayu. Dengan demikian pihak Perikatan telah menubuhkan kerajaannya yang pertama di Tanah Melayu secara parti politik. YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama pada bulan Ogos 1955. Menteri lain yang dilantik ialah terdiri daripada 5 orang Melayu, 3 orang Cina, 1 orang India dan 5 orang Inggeris.

Seterusnya mulai tahun 1955, bentuk dan saiz Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan sekali lagi berubah. Keseluruhan ahli Majlis Mesyuarat pada masa itu berjumlah seramai 99 orang.¹⁵⁵ Mereka termasuklah seorang Yang Dipertua

Majlis (Speaker) yang dilantik, 52 ahli dipilih melalui pilihanraya,¹⁵⁶ sementara 35 orang lagi mewakili bidang-bidang tertentu seperti perwakilan dari ladang getah, lombong-lombong timah, golongan minoriti dan lain-lain. Selebihnya 11 orang mewakili 9 negeri-negeri Melayu dan 2 buah negeri Selat.¹⁵⁷

Yang Dipertua (*Speaker*) Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan yang telah dilantik pada masa itu ialah Raja Sir Uda bin Raja Muhammad. Beliau telah berkhidmat dari bulan Jun 1955 sehingga bulan Ogos 1957. Persidangan terakhir yang dikendalikan oleh beliau ialah pada hari Khamis 15 haribulan Ogos 1957.¹⁵⁸ Seterusnya jawatan Yang Dipertua telah disandang oleh Dato' Haji Abdul Malek bin Yusuf. Beliau memulakan tugasnya yang pertama pada 3 haribulan September 1957.¹⁵⁹ Beliau merupakan “*Speaker*” terakhir bagi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu kerana Majlis tersebut telah dibubarkan pada tahun 1959.

Pada bulan Januari 1956 “Suruhanjaya Merdeka” ditubuhkan di bawah pimpinan Tengku Abdul Rahman. Rombongan tersebut telah pergi ke London meminta kemerdekaan untuk Tanah Melayu. Dalam bulan Ogos 1956 perjanjian kemerdekaan bagi Malaya ditandatangani di antara Malaya dengan Britain. Berikutnya dengan perbincangan ini satu suruhanjaya bagi membentuk perlombagaan Malaya Merdeka dibentuk. Suruhanjaya ini dinamakan Suruhanjaya Reid kerana mengambil sempena nama pengerusinya iaitu Lord Reid. Ahli-ahli Suruhanjaya yang lain terdiri dari Sir Ivor Jennings (British), Sir William McKell (Bekas Govenor-

General Australia), Tuan Malik (bekas ketua hakim Mahkamah Tinggi Allahabad India) dan Tuan Abdul Hamid (Hakim Mahkamah tinggi Pakistan Barat).¹⁶⁰ Mereka semua telah dilantik oleh Baginda Queen dan Raja-raja Melayu untuk menyusun cadangan-cadangan bagi Perlembagaan yang sesuai bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka lagi berdaulat.¹⁶¹ Suruhanjaya tersebut telah menyampaikan laporannya dalam bulan Februari 1957. Selepas itu Kerajaan Inggeris, Raja-raja Melayu dan Kerajaan Persekutuan telah melantik sebuah Jawatan kuasa Kerja untuk meneliti dengan lebih cermat laporan tersebut. Berdasarkan laporan tersebut Perlembagaan Persekutuan telah diterima oleh Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu yang bersidang dalam bulan Julai 1957.

5.6 Parlimen Malaysia Selepas Merdeka

Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaannya pada 31hb Ogos 1957. Dengan tercapainya kemerdekaan tersebut, maka negara ini pada pertama kalinya mempunyai lambang tumpuan taat setia, iaitu seorang Ketua Negara yang digelar Yang di-Pertuan Agong. Baginda adalah DYMM Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad. YTM Tunku Abdul Rahman Putra pula dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama dengan Jemaah Menterinya seramai 12 orang. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan barulah istilah “Parlimen Malaysia” digunakan bagi Badan Perundangan Persekutuan. Walau pun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, keanggotaan dalam Badan Perundangan Persekutuan tidak terus berubah dengan serta merta. Ahli parlimen yang dilantik

melalui pilihanraya sebelum merdeka (1955) dahulu terus kekal dan terus menjalankan peranan mereka.¹⁶² Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu masih terus diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah Dewan Parlimen sementara sehingga ianya dibubarkan pada bulan Jun 1959. Badan Perundangan Persekutuan yang menjalankan tugas pada masa itu adalah berbentuk satu dewan (*unicameral*). Semua ahli Dewan samada dipilih oleh rakyat atau dilantik oleh pemerintah berada dalam satu dewan. Belum ada pengasingan diantara Majlis Dewan Negara dan Majlis Dewan Rakyat.¹⁶³

Walaupun Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 haribulan Ogos 1957, bentuk dan sistem badan perundangan sebagaimana yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris itu masih terus dilaksanakan. Cuma selepas pilihanraya umum 1959 badan perundangan persekutuan diberi nama baru sebagai "Parlimen Malaysia". Bentuknya telah ditukar dari sistem satu dewan (*unicameral*) kepada sistem dua dewan (*bicameral*). Anggota Badan Perundangan Persekutuan telah disusun dalam sebuah parlimen yang mengandungi dua dewan, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Sistem ini diamalkan secara berterusan sehingga kini. Ahli-ahli Dewan Rakyat adalah mereka yang dipilih oleh rakyat melalui undian dalam pilihanraya. Manakala ahli Dewan Negara pula adalah ahli Parlimen yang bukan dipilih melalui sesuatu pilihanraya atau pilihanraya umum. Sebahagian dari mereka dilantik oleh pemerintah (Yang diPertuan Agong) dan sebahagian yang lain dipilih oleh Dewan Undangan Negeri bagi negeri-negeri yang ada diseluruh Malaysia. Semua perubahan yang dilakukan itu adalah mengikut prinsip undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang digubal pada masa itu.¹⁶⁴

Sistem Parlimen yang di amalkan di Malaysia hari ini, banyak dipengaruhi oleh sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara-negara barat. Jika diteliti banyak negara-negara barat mengamalkan sistem berparlimen dua dewan (*bicameral*). Contoh negara-negara yang mengamalkan sistem dua dewan di parlimen masing-masing ialah United Kingdom, Amerika Syarikat, Switzerland, Canada Prancis., Fiji, India, Itali, Norway dan lain-lain. Parlimen dwidewan (*bicameral*) mengandungi dua dewan yang mana ia diistilahkan sebagai "*Upper House*" dan "*Lower House*". Di United Kingdom "*Upper House*" ini dinamakan "*The House of Lords*" dan "*Lower House*" dinamakan "*The House of Commons*".¹⁶⁵ Di Amerika Syarikat pula dinamakan "*Senate*" dan "*The House of Representatives*".¹⁶⁶ Bagi Malaysia "*Upper House*" ialah Dewan Negara dan "*Lower House*" ialah Dewan Rakyat.¹⁶⁷

Sistem yang dipakai di United Kingdom, "*Upper House*" dianggotai oleh pewaris keturunan bangsawan "*Hereditary peers*", golongan bangsawan yang dilantik oleh baginda the Queen, wakil-wakil dari badan kehakiman dan beberapa orang pemimpin agama Kristian yang dinamakan "*Bishops*".¹⁶⁸ Di Amerika Syarikat mereka ialah anggota "*Senate*" yang dilantik seramai 2 orang bagi setiap wilayah yang berjumlah seramai 100 orang mewakili 50 negeri. Anggota "*Senate*" Amerika mestilah berumur 30 tahun atau lebih.¹⁶⁹ Bagi Dewan Negara di Malaysia pula sebahagian anggotanya adalah wakil dari negeri-negeri yang dipilih oleh Dewan Undangan di pelbagai negeri. Manakala sebahagian ahli-ahlinya yang lain boleh dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong berdasarkan kecemerlangan mereka dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat. Wakil kaum dan wakil orang asli juga boleh dilantik oleh baginda.¹⁷⁰ Mereka juga disyaratkan berumur 30 tahun atau lebih¹⁷¹, sama seperti di Amerika.

Anggota "Lower House" pula biasanya dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya umum dalam sesebuah negara atau negeri. Anggota yang dipilih melalui pilihanraya adalah lebih ramai bilangannya berbanding dengan anggota yang dilantik oleh pemerintah. Calon-calon yang akan dipilih dikehendaki melengkapi syarat-syarat tertentu mengikut undang negara masing-masing. Contohnya di Amerika Syarikat calon bagi *House of Representative* hendaklah berumur 25 tahun ke atas dan mestilah menjadi warganegara Amerika sekurang-kurangnya 7 tahun. Manakala di Canada syarat yang dikenakan ialah berumur 18 tahun ke atas sahaja. Di Malaysia pula calon bagi ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri mestilah berumur dua puluh satu tahun ke atas.¹⁷² Perbezaan ini berlaku kerana ianya boleh ditentukan oleh undang-undang dan perlembagaan yang digubal oleh anggota badan perundangan di negara masing-masing.

NOTA HUJUNG

¹ William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), *Treaties And Engagements Affecting The Malay States And Borneo*, Suffolk Lane, E.C: Jas. Truscott & Son, Ltd., 1924, hh. 29-30; The Central Office of Information, *The British In Malaya 1786 – 1957*, United Kingdom: The Swindon Press Ltd, 1957, h. 7; J.F.A. McNair, *Perak And The Malays*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, h. 370.

² Perjanjian ini adalah dibuat di antara Andrew Clarke (Gabenor Negeri-negeri Selat) dengan Raja Abdullah serta orang-orang besar Perak. Di antara orang-orang besar Perak yang memberikan persetujuan ialah Raja Mahkota, Bendahara, Menteri, Shahbandar, Laksamana dan Dato' Sa'gor. Mengikut Mohd. Aris Hj. Osman dalam ertikata yang sebenarnya ia bukanlah suatu perjanjian tetapi sebagai "Articles of Agreement". Lihat Mohd. Aris Hj Osman, Dr., *Perkembangan Perlembagaan Malaysia*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1983, h. 7.

³ Mohd Janib Johari, *Sejarah Malaysia Modern*, Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd., cet. pertama, 1985, h. 45.

⁴ Lihat Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, h. 65.

⁵ Mansor Sanusi, *Sejarah Ringkas Alam Melayu Penggal II*, Pulau Pinang: Sinaran Bros, 1956.

⁶ Mohd Janib Johari, op. cit., h. 45.

⁷ F.J. Moorhead, *A History of Malaya*, Kuala Lumpur: Longman Of Malaya, cet. pertama, 1963, vol. II, h. 178.

⁸ Jagit Singh Sidhu, *Administration In The Federate Malay States 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980, h. 22.

⁹ Council Minutes, Perak, Monday 10 th September 1877 at Kuala Kangsar Perak. Dalam R.J. Wilkinson (ed.), *Papers On Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, h. 158.

¹⁰ Lihat Mohd. Janib Johari, op. cit., h. 57.

¹¹ F.J. Moorhead, op. cit., h. 180.

-
- ¹² Lotfi Ismail, *Sejarah Malaysia 1400-1963*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, cet. ketujuh, h. 33.
- ¹³ Jagjit Sing Sidhu, op. cit., h. 22.
- ¹⁴ J.H.M. Robson (Penyusun) dan A.T.D. Berrington (Penyemak), *The Laws Of Selangor 1877-1895*, Kuala Lumpur: Government Printing Office, 1896, h. viii.
- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Jagjit Sing Sidhu, op. cit., h. 22.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, *Sejarah Pembangunan Bangsa Dan Negara*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1994, h. 43.
- ¹⁹ Dalam negara Persekutuan terdapat dua taraf kerajaan iaitu kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kedua-duanya saling bergantung di antara satu sama lain, tetapi masing-masing mempunyai kuasa tersendiri. Dalam sistem politik ini, negeri-negeri menguasai sebahagian besar hal ehwal dalam negeri. Negeri tidak mempunyai kuasa dalam hal ehwal luar negeri, pertahanan dan lain-lain. Lihat K.Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. kedua 1992, h. 280.
- ²⁰ Syed Halim Jamalullail dan Hasnah Sulaiman, op. cit., h. 177.
- ²¹ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, op. cit, h. 42.
- ²² F.J. Moorhead, op. cit., h. 181.
- ²³ Lihat William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), op. cit., hh. 70-71.
- ²⁴ Rupert Emerson, *Malaysia, A Study In Direct And Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, cet. keempat, 1970, h. 137.
- ²⁵ R.S.Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik Dan Kerajaan Di Malaysia*, (terjemahan oleh: Abdul Rauf Napis dan Ramlah Muhamad), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. kedua, 1992, h. 35.
- ²⁶ Lihat William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), op. cit., h. 71.

-
- ²⁷ F.J. Moorhead, op. cit., h. 178.
- ²⁸ Rupert Emerson, op. cit., h. 141.
- ²⁹ Tan Ding Eing, *A Portrait of Malaysia And Singapore*, Singapore: Oxford University Press, cet. kedua, 1976, h. 156.
- ³⁰ Perkataan *Durbar* adalah istilah Bahasa Inggeris yang diambil dari perkataan Urdu *Darbar*. Maksud asal perkataan *Durbar* ialah tempat bersemayam raja-raja India dan majlis keramaian yang diadakan oleh raja-raja India. Ia termasuklah juga majlis keramaian yang dianjurkan oleh Gabenor British bersama mereka di India. Istilah tersebut juga telah digunakan oleh penjajah British khususnya Frank Swettenham untuk persidangan Raja-raja Melayu Negeri-negeri Bersekutu untuk menyuarakan pendapat mereka kepada pemerintah Inggeris. Persidangan *Durbar* telah diperkenalkan selepas termeterainya perjanjian Persekutuan 1896. Lihat William Morris (ed.), *The American Heritage Dictionary of The English Language*, Boston: Houghton Mifflin Company, 1981, h. 405; Sidney I. Landau (ed.), *The New International Webster's Student Dictionary of The English Language*, USA: Trident Press International, 1996, h. 220; Oxford University Press, *The Oxford English Dictionary*, Oxford: Oxford University Press, vol. III, 1978, h. 724.
- ³¹ Eunice Thio, *British Policy In The Malay Peninsular 1880-1910*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969, vol. I, h. 182.
- ³² Anzagain Sdn. Bhd., op. cit., j. IV, hh. 239-240.
- ³³ Mubin Sheppard, Tan Sri Dato, *Tanah Melayu Yang Bersejarah*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1982, h. 53.
- ³⁴ G.P. Dartford, B.A., *A Short History of Malay*, Kuala Lumpur: Longman of Malaysia, 1967, h. 140.
- ³⁵ John G. Butcher, *The British In Malaya 1880-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, h. 74.
- ³⁶ Federated Malay States, *Conference of Residents At Kuala Lumpur, Selangor July 1905: Abstract of Proceedings, 3^d July 1905*, Kuala Lumpur: F.M.S Government Printing Office, 1905, h. 1.
- ³⁷ Federated Malay States, *Conference of Residents At Carcosa, Selangor, July 1902: Agenda And Proceedings, First Day 14th July 1902*, Kuala Lumpur: The Selangor Government Printing Office, 1902, h. 1.

³⁸ Federated Malay States, *Conference of Residents At Carcosa, Selangor, July 1902: Agenda And Proceedings, Second Day 15th July 1902*, Kuala Lumpur: The Selangor Government Printing Office, 1902, h. 1.

³⁹ Federated Malay States, *Conference of Residents At Carcosa, Selangor, July 1902: Agenda And Proceedings, Eleventh Day 25th July 1902*, Kuala Lumpur: The Selangor Government Printing Office, 1902, h. 1.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ G.P. Dartford, B.A., op. cit., h. 140.

⁴² Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, Dato', *A Century of The Conference of Rulers: (1897-1997)*, Kuala Lumpur: Office of The Keeper of The Ruler's Seal, cet. pertama, 1997, h. 8.

⁴³ Eunice Thio, op. cit., h. 185.

⁴⁴ Ucapan tersebut dibuat pada hari keempat mesyuarat tersebut iaitu pada hari Khamis 23 haribulan Julai 1903 di Kuala Lumpur.

⁴⁵ Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, Dato', op. cit., h. 10.

⁴⁶ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h. 50.

⁴⁷ Lihat William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), op. cit., h. 71.

⁴⁸ Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Hampshire: The Macmillan Press Ltd., 1982, h. 183.

⁴⁹ Lihat William George Maxwell dan William Sumner Gibson (ed.), op. cit., h. 71.

⁵⁰ Ibid., h. 72.

⁵¹ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council No. 1, Saturday 11th December 1909. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1909*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1910, h. A1.

⁵² Chu Chi-Hung, *Minority Representation In The Malaysian Legislature*, Dissertation Ph. D, USA: The Graduate School University of Kentucky, 1974, h. 3

⁵³ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council No. 1, Saturday 11st December 1909. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1909*, op. cit., h. A1.

⁵⁴ Mubin Sheppard, Tan Sri Dato, op. cit., h. 56.

⁵⁵ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council No. 1, Tuesday 8th July 1913. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1913*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1914, h. A1.

⁵⁶ Lihat Mohamed Noah bin Omar, Tan Sri, Haji, *Tuan Speaker, TUAN*, Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad, cet. pertama, 1967, h. 4.

⁵⁷ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h. 48.

⁵⁸ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council No. 1, Saturday 11st December 1909. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1909*, op. cit., h. A1.

⁵⁹ Lihat Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 5, Monday 2nd May 1910. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1910*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1911, h. A1.

⁶⁰ Lihat Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 3, Wednesday 28th Julay 1920. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1920*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1921, h. A6.

⁶¹ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 1, Thursday 19th January 1911. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1911*, op. cit., h. A1.

⁶² Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 2, Monday 8th May 1911. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1911*, op. cit., h. A4.

⁶³ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 1, Tuesday 8th July 1913. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1913*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1914, h. A1.

⁶⁴ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 4, Tuesday 25th November 1913. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1913*, op. cit., h. A 14.

⁶⁵ Lihat Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 2, Wednesday 30th April 1919. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1919*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1920, h. A6.

⁶⁶ Ibid.

⁶⁷ Lihat Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 2, Tuesday 13th April 1920 dan Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 3, Wednesday 28th July 1920, *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1920*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1921, hh. A2 dan A6.

⁶⁸ Ibid, h. A6.

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Federated Malay States, Shorthand Report of The Proceedings of The Federal Council, Tuesday 13th December 1921, *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1921*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1922, h. B60.

⁷² Federated Malay States, Shorthand Report of The Proceedings of The Federal Council, Thursday 3rd November 1921, *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1920*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1922, h. B53.

⁷³ Ibid.

⁷⁴ Joginder Sing Jessy, *Malaysia, Singapore & Brunei 1400 – 1965*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., cet. kedua, 1974, h. 357.

⁷⁵ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 3, Monday 28th July 1924, *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1924*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1925, h. A11.

⁷⁶ Lihat Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 1, Monday 28th February 1927, *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1927*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1928, h. A1.

⁷⁷ H.B. Ahmad dan J.B. Baba, *Tawarikh Tanah Melayu*, Kelantan: Muslim Printing Press, cet. pertama, 1963, h. 153.

⁷⁸ Mohamed Noah bin Omar, op. cit., h. 4.

⁷⁹ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 2, Monday 23rd May 1927. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1927*, op. cit., h. A6.

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ Ibid.

⁸² Federated Malay States, *Agreement For The Re-Constitution of The Federal Council*, 1927, F.M.S. No. 2269 of 27th April, 1927.

⁸³ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 2, Monday 23rd May 1927. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1927*, op. cit., h. A6.

⁸⁴ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 1, Monday 27th February 1928. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1928*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1929, h. A1.

⁸⁵ Federated Malay States, Shorthand Report of The Proceedings of The Federal Council, Monday 27th February 1928. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1928*, op. cit., h. B2.

⁸⁶ Lihat Federated Malay States, Shorthand Report of The Proceedings of The Federal Council, Wednesday 30th January 1929. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1929*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1930, h. B1.

⁸⁷ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 3, Monday 13th July 1931. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1931*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1932, h. A15.

⁸⁸ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 5, Monday 18th December 1933. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1933*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Printing Office, 1934, h. A38.

⁸⁹ Joginder Singh Jessy, op. cit., h. 358.

⁹⁰ Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 1, Monday 19th March 193. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1934*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1935, h. A1.

⁹¹ Lihat Federated Malay States, Minutes of The Meetings of The Federal Council, No. 1, Friday 24th February, 1939. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1939*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1940, h. A1.

⁹² Federated Malay States, Shorthand Report of The Proceedings of The Federal Council, Tuesday and Thursday 19th and 21st November 1940. Dalam *Proceedings of The Federal Council Of The Federated Malay States For The Year 1940*, Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press, 1941, h. B73.

⁹³ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h.80.

⁹⁴ Sembilan orang Raja-raja Melayu yang bersetuju dengan cadangan MacMichael itu telah menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh-tarikh berikut iaitu; Sultan Johor (20 Oktober 1945), Sultan Selangor (24 Oktober 1945), Sultan Pahang (2 November 1945), Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (14 November 1945), Sultan Perak (22 November 1945), Sultan Kedah (2 Disember 1945), Raja Perlis (4 Disember 1945), Sultan Kelantan (17 Disember 1945), Sultan Terengganu (21 Disember 1945); Senarai Perjanjian p. 70 (ref: KPR. 111/61), *Duplicate Copies of MacMichael Agreements 1946*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Lihat juga Sir Harold MacMichael, *Report On A Mission To Malaya*, Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press, 1946, hh. 11-16.

⁹⁵ Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, Dato', op. cit., h. 193.

⁹⁶ Lihat Malayan Union, *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Year 1946*, Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press, 1948.

⁹⁷ Lihat Article 16 (1) dan (2), Malayan Union, *The Malayan Union Order In Council 1946*, Buckingham: The Court At Buckingham Palace, 1946, h. 5.

⁹⁸ Ibid., Article 17.

⁹⁹ Ibid., Article 118.

¹⁰⁰ Ibid., Article 19.

¹⁰¹ Mubin Sheppard, Tan Sri Dato, op. cit., h. 58.

¹⁰² Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No. 1, Monday 1st April, 1946. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Year 1946*, Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press, 1948, h. A1.

¹⁰³ Sir Harold MacMichael, *Report On A Mission To Malaya*, op. cit. h. 1.

¹⁰⁴ Colonial Office, *Malayan Union And Singapore, Summary Of Proposed Constitutional Arrangements*, London: His Majesty's Stationery Office, 1946, h. 1.

¹⁰⁵ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h.82.

¹⁰⁶ Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No. 2, Tuesday 30th April, 1946. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Year 1946*, op. cit., h. A4.

¹⁰⁷ Lihat Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No. 3, Tuesday 11th June 1946, h. A7 dan No. 9, Tuesday And Wednesday, 10th And 11th December, 1946, h. A29. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Year 1946*, Kuala Lumpur: The Malayan Union Government Press, 1948.

¹⁰⁸ Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No. 5, Monday 5th May 1947. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Period January 1947 To January 1948*, Kuala Lumpur: The Federation of Malaya Government Press, 1949, h. A14.

¹⁰⁹ Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No. 10, Monday And Tuesday 24th And 25th November 1947. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Period January 1947 To January 1948*, op. cit., h. A32.

¹¹⁰ Malayan Union, Minutes of The Meetings of The Advisory Council, No..1, Tuesday 27th January 1948. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Period January 1947 To January 1948*, op. cit., h. A1.

¹¹¹ Mohd. Aris Hj. Osman, op. cit., hh. 33-34.

-
- ¹¹² Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustafa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h.84.
- ¹¹³ Malayan Union, Shorthand Report of The Proceedings of The Advisory Council of The Malayan Union Federal Council, Tuesday 27th January 1948. Dalam *Proceedings of The Advisory Council Of The Malayan Union For The Period January 1947 To January 1948*, op. cit., h. B318.
- ¹¹⁴ Ibid.
- ¹¹⁵ Mohd. Aris Hj. Osman, op. cit., h. 36.
- ¹¹⁶ Federation of Malaya, Government Gazette, *The Federation of Malaya Agreement, 1948*, Kuala Lumpur: Printed At The Government Press, 1st February 1949, hh. 2-134. Dalam bahasa Melayu perjanjian tersebut di istilahkan sebagai “*Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948*”. Selain dari menggunakan Bahasa Inggeris teks asal perjanjian tersebut juga ditulis dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi. Teks jawi ada tersimpan dalam Arkib Negara Malaysia. Sebahagian besar perbincangan tajuk ini akan menggunakan teks Perjanjian Persekutuan 1948 dari sumber ini.
- ¹¹⁷ Lihat The Federation of Malaya, *The Federation of Malaya Agreement 1948*, Kuala Lumpur: The Government Press, (Reprinted January 1956), h. 1.
- ¹¹⁸ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h. 89.
- ¹¹⁹ Perkara 102, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ¹²⁰ Ramlah Adam, Dr., *Warisan Ketatanegaraan Melayu Dalam Perjanjian Persekutuan 1948: Dengan Rujukan Khas Kepada Pentadbiran Negeri Melayu*. Dalam *Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997*, op. cit., h. 15.
- ¹²¹ Perkara 36 (1), Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ¹²² Federation of Malaya, *Report of The Proceedings of The Legislative Council*, Tuesday, 24th February, 1948, Kuala Lumpur: Gorvernment Press, 1948, h.1.
- ¹²³ Perkara 36 (2) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ¹²⁴ Perkara 37 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ¹²⁵ Perkara 38 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹²⁶ Sembilan buah negeri Melayu yang mempunyai Raja ialah; Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor. Negeri-negeri tersebut telah menghantar seorang ketua pentadbir yang bergelar “Menteri Besar” bagi menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan yang baru dibentuk.

¹²⁷ R.H. Hickling, *Federation of Malaya, An Introduction To The Federal Constitution*, Kuala Lumpur: The Federation of Malaya Information Services, t.t., h. 11.

¹²⁸ Perkara 38 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹²⁹ Perkara 39 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹³⁰ Perkara 40 (1) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹³¹ Lihat Colonial Office, *Federation of Malaya, Summary of Revised Constitutional Proposals*, London: His Majesty's Stationery Office, July 1947, h. 7.

¹³² S.M Middlebrook and A.W. Pinnick, *How Malay Is Governed*, New York: AMS Press, 1975, h. 26.

¹³³ Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa dan Fauziah Shaffie, op. cit., h. 89.

¹³⁴ Perkara 51 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Perkara 52 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹³⁷ Perkara 41 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

¹³⁸ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 1, Tuesday, 24th February 1948. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1951, h. A1.

¹³⁹ Federation of Malaya, Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Tuesday, 24th February 1948, At 9. 30 A.M. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, op. cit., hh. 2-3.

-
- ¹⁴⁰ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 2, Tuesday, 30th March 1948. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, op. cit., h. A15.
- ¹⁴¹ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 1, Tuesday, 24th February 1948. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, op. cit., h. A1.
- ¹⁴² Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 4, Wednesday 14th June 1950. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Third Session) February 1950 to February 1951*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1954, h. A41.
- ¹⁴³ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 2, Thursday 20th March 1952. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Fifth Session) February 1952 to February 1953*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1953, hh. A8-10.
- ¹⁴⁴ Lihat Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 12, Wednesday 19th January 1955. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Seventh Session) March 1954 to January 1955*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1955, h. A92.
- ¹⁴⁵ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 10, Thursday 16th December 1948. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, op. cit., h. A115.
- ¹⁴⁶ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 5, Monday and Tuesday, 5th And 6th July 1948. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, op. cit., h. A45.
- ¹⁴⁷ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 9, Thursday 18th November 1948. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) February 1948 to February 1949*, op. cit., h. A100.
- ¹⁴⁸ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 7, Wednesday 21st November 1951. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 to February 1952*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1952, hh. A63.

¹⁴⁹ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 1, Wednesday 19th March 1952. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Fifth Session) March 1952 to February 1953*, op. cit., hh. A1.

¹⁵⁰ Sidang Redaksi, *Kenegaraan 25 Tahun: Satu Perspektif*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, cet. pertama, 1982, h. 18.

¹⁵¹ Lihat Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Legislative Council, No. 6, Thursday 2nd June 1955. Dalam *Proceedings of The Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Eighth Session) March 1955 to June 1955*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1956, h. A54.

¹⁵² Ibid.

¹⁵³ T.E Smith (Supervisor of Elections), *Report On The First Election Of Members To The Legislative Council Of The Federation Of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Printer, 1955, h. 16.

¹⁵⁴ Ibid.

¹⁵⁵ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Second Legislative Council, No. 1, Tuesday, 30th August 1955. Dalam *Minutes of The Second Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (First Session) August 1955 to September 1956*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1957, h. A1.

¹⁵⁶ P. Sharan, Dr., *Government And Politics Of Malaysia*, New Delhi: Metropolitan Book CO., cet. pertama, 1984, h. 75.

¹⁵⁷ Federation of Malaya, Official Report of The First Meeting of The First Session of The Second Legislative Council, Tuesday, 30th August, 1955, At 8 P.M. Dalam *Legislative Council Debates, Official Report of The Second Legislative Council of The Federation of Malaya, For The Period (First Session) 30th August, 1955 to 13th September, 1956*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1958, hh. 1- 8.

¹⁵⁸ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Second Legislative Council, No. 16, Thursday, 15th August 1957. Dalam *Minutes of The Second Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Second Session) November, 1956 to August 1957*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1958, h. A122.

¹⁵⁹ Federation of Malaya, Minutes of The Meetings of The Second Legislative Council, No. 1, Tuesday, 3rd September 1957. Dalam *Minutes of The Second Legislative Council Of The Federation of Malaya For The Period (Third Session) September 1957 to October 1958*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1959, h. A1.

¹⁶⁰ R.H. Hickling, op. cit., h. 13.

¹⁶¹ Lihat Colonial Office, *Constitutional Proposals For The Federation of Malaya*, London: Her Majesty's Statinery Office, 1957.

¹⁶² R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik Dan Kerajaan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. kedua, 1992, h. 266.

¹⁶³ Jabatan Penerangan Malaysia, *Parlimen Malaysia*, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan, 1963.

¹⁶⁴ Untuk kajian terperinci lihat Article 44 hingga Article 65, Federation of Malaya, *Proposed Constitution of Federation of Malaya*, op. cit., hh. 21-26.

¹⁶⁵ World Book, Inc., *The World Book Encyclopedia*, op. cit., h. 150. Lihat juga, Bernard Crick, *Parliament In The British Political System*. Dalam Kornberg and Musolf, *Legislatures In Developmental Perspective*, U.S.A: Kingsport Press, Inc., 1970, h. 33.

¹⁶⁶ Edward Conrad Smith dan Arnold John Zurcher, *Dictionary Of American Politics*, New York: Barnes & Noble. Inc., 1965, h. 86.

¹⁶⁷ George Thomas Kurian, *Encyclopedia Of The Third World*, London: Mansell Publishing Limited, v. XI, 1982, h. 1151.

¹⁶⁸ R.R Donnelley & Sons, op. cit., j. 20, h. 161.

¹⁶⁹ Edward Conrad Smith and Arnold John Zurcher, op. cit., h. 36 dan 341.

¹⁷⁰ Perkara 45 (2) Perlombagaan Persekutuan.

¹⁷¹ Perkara 47 (a) Perlombagaan Persekutuan.

¹⁷² Perkara 47 (b) Perlombagaan Persekutuan. Lihat juga seksyen 5 Jadual Kelapan Perlombagaan Persekutuan.